

Isu doa PAS dirujuk Majlis Fatwa

» Ulama
sebenarnya berdo
a untuk kebajikan
umat Islam

Oleh Norfatimah Ahmad
tim@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Isu PAS mendoakan kehancuran UMNO akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Fatwa Kebangsaan yang akan diadakan bulan depan.

Pengerusinya, Prof Tan Sri Dr Abdul Shukor Hussin, berkata walaupun perbincangan awal sudah dilakukan, perkara itu akan dibincangkan dengan lebih mendalam pada mesyuarat itu.

“Keputusan majlis nanti lebih kepada nasihat, bukan fatwa hukum kerana itu akan ditetapkan pada peringkat negeri.

“Apa yang penting, umat Islam perlu sentiasa berfikirannya waras, tenang dan nyata berdasarkan al-Quran dan ha-

dis, bukan hanya memikirkan matlamat berdasarkan nafsu dan pandangan singkat saja,” katanya ketika dihubungi BH.

Jumaat lalu, Ketua Pengerangan PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man mempertahankan doa yang dibaca Nik Razi Nik Mat dalam program munajat perdana di Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu itu sebagai tidak bercanggah dengan Islam kerana mendakwa UMNO bukan parti Islam yang melakukan tindakan jelas bertentangan dengan peraturan dan ajaran Islam.

Tokoh agama bidas doa

Sebelum ini, beberapa tokoh agama termasuk Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria menyifatkan tindakan PAS itu bertentangan dengan ajaran Islam.

Malah, Harussani mengangap mendoakan dan mengaminakan kehancuran saudara sesama Islam adalah perbuatan bidaah yang hukumnya haram dan pelakunya perlu bertaubat.

Terbaru, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) me-

negaskan tindakan parti itu melanggar adab dan tatacara berdo.

Menjelaskan mengenai doa itu, Abdul Shukor berkata, tidak pernah berlaku dalam sejarah Islam atau antara ulama didoakan supaya sesama Islam itu jahanam atau menerima keburukan.

Berdoa untuk kebajikan

Katanya, ciri ulama sebenar adalah berdoa untuk kebajikan, malah Ahli Sunnah Wal Jamaah juga menyatakan tidak boleh mendoakan sesuatu yang jahat, kecuali kepada kafir yang menzalimi dan memerangi Islam.

“Contoh jelas apabila kita mendoakan supaya rakyat Palestin itu diselamatkan bukan kehancuran rejim zionis Israel yang secara kejam menyerang umat Islam Gaza,” katanya.

Beliau berkata, persoalannya apakah umat Islam di Malaysia dizalimi atau pemerintah menyuruh apa yang dilarang Allah SWT, rakyat tidak mendapat pembelaan dari segi undang-undang dan dibiarkan kesusahan.

Katanya, faktor keamanan



“
Apa yang penting,
umat Islam perlu
sentiasa berfikirannya
waras, tenang dan
nyata berdasarkan
al-Quran dan hadis,
bukan hanya
memikirkan
matlamat
berdasarkan nafsu”

Abdul Shukor Hussin,
Pengerusi
Majlis Fatwa Kebangsaan

di negara ini jelas, malah kerajaan membantu rakyat tanpa mengira bangsa, melaksanakan sistem pendidikan seimbang sama ada untuk dunia atau akhirat, selain memenuhi tuntutan syiar Islam.